



11 NOV, 2024

Kastam bakal guna teknologi tinggi, terkini

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 1

Kastam bakal guna teknologi tinggi, terkini

ISKANDAR PUTERI – Kompleks Kastam di Forest City, di sini, akan dilengkapi dengan teknologi terkini dalam memperkasa penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memastikan aktiviti penyeludupan tidak berleluasa sempena pelaksanaan zon bebas cukai bermula Jumaat depan.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudin berkata, antara teknologi yang akan digunakan termasuklah teknologi Kecerdasan Buatan (AI), 'face recognition', mesin pengimbas dan juga pusat kawalan.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor dan juga pengurusan Forest City, kerana kompleks ini merupakan yang pertama menggunakan teknologi tinggi di Malaysia.

"Jika penggunaan teknologi ini berjaya, kita akan memperluaskan penggunaan sistem ini di seluruh negara, jadi ini boleh dikatakan projek perintis dalam memastikan operasi perkastaman di Forest City ini berjalan lancar," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Kompleks Kastam Diraja Malaysia Forest City, di sini semalam.

Majlis disempurnakan Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Johor, Lee Ting Han serta Pengarah Eksekutif Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. (CGPV), Datuk Md. Othman Yusof dan Pengarah Eksekutif CGPV, Datuk Daing A. Malek.

Ujar Anis Rizana, lokasi Kompleks Kastam Forest City yang baharu menjadikan penguat kuasa JKDM lebih terfokus apabila ia ditempatkan di satu-satu laluan keluar dan masuk ke kawasan berkenaan.

"Kompleks Kastam sebelum ini berada di bawah sedikit, jadi yang baharu ini telah dipindahkan agar pemantauan lebih berkesan dapat dibuat bagi mengekang penyeludupan.

"Ini bermakna sesiapa sahaja yang masuk dan keluar dari kawasan ini akan dapat dipantau menggunakan teknologi yang disediakan," jelasnya.

Sementara itu, Md. Othman turut mencadangkan penggunaan teknologi dron bagi memantau dan memastikan tiada aktiviti penyeludupan berlaku di kawasan Forest City selepas diisytihar sebagai zon bebas cukai.